

GCE 'N' Level Malay Paper 1 (1197/1)

Duration: 2h


Total Marks: 60

ARAHAN: Jawab dua soalan; satu daripada Bahagian A dan satu lagi daripada Bahagian B.

BAHAGIAN A (20 markah)

Arahan: Tulis e-mel yang panjangnya tidak kurang daripada 100 patah perkataan berdasarkan satu daripada soalan-soalan yang berikut.

- 1 Kamu baru sahaja menerima e-mel daripada sahabat kamu. Baca e-mel itu dan berikan respons kamu terhadap perkara-perkara yang terkandung dalam e-mel tersebut.

File Edit View Mail Data Source Help	
	
Daripada:	Aidil@warkah.com
Kepada:	Iman@warkah.com
Tarikh:	1/9/2022
Subjek:	Minta Pendapat
<p>Iman</p> <p>Apa khabar?</p> <p>Baru-baru ini saya telah dipilih untuk mewakili sekolah dalam pertandingan video anjuran Lembaga Perpustakaan Negara Singapura. Saya teruja bila mendapat tahu saya terpilih. Namun, saya risau kerana penguasaan bahasa Melayu saya tidak begitu baik. Walaupun pertandingan ini akan diadakan selepas peperiksaan nasional, saya takut jika saya tidak cukup masa untuk membuat persediaan. Apakah yang harus saya lakukan?</p> <p>Bolehkah awak mengongsi pendapat tentang hal ini? Saya menantikan balasan e-mel awak dan berharap awak dapat memberikan saya nasihat.</p> <p>Terima kasih.</p> <p>Yang benar Iman</p>	

- 2 Baca informasi yang berikut. Berdasarkan butiran yang diberikan, tulis e-mel yang sesuai.

Kamu dan rakan-rakan kamu telah diminta oleh guru kamu untuk menyarankan aktiviti yang boleh disertai oleh para pelajar menengah empat semasa Pesta Akhir Tahun nanti.

Tulis e-mel kepada guru kamu itu untuk menyarankan aktiviti yang kamu fikir sesuai. Dalam e-mel kamu, berikan maklumat terperinci tentang aktiviti tersebut. Jelaskan juga sebab mengapa aktiviti tersebut sesuai.

Kamu dikehendaki menggunakan alamat e-mel yang berikut:

Alamat pengirim: aina@kgoomail.com

Alamat penerima: puan_maryam@sekolahsentosa.com

BAHAGIAN B (40 markah)

- Arahan:** Tulis sebuah karangan yang panjangnya tidak kurang daripada 200 patah perkataan mengenai **salah satu** daripada tajuk-tajuk yang berikut.

- 3 Memupuk tabiat menabung penting. Berikan pandangan kamu.

- 4 Sebab-sebab pentingnya menjaga kebersihan.

- 5 Secara tidak sengaja kamu telah menyinggung perasaan rakan kamu. Gambarkan peristiwa tersebut dan perasaan kamu terhadap perbuatan kamu itu.

- 6 Tuliskan sebuah karangan dengan menggunakan permulaan yang berikut :

Aku sedang menunggu teman karibku di tempat biasa. Sudah lebih setengah jam aku menunggunya namun dia masih belum tiba lagi. Matakku menjeling ke telefon bimbitku. Aku ...